



Kota Buku kini ke pemasaran digital

Oleh Azhar Shahrulnizam - Mac 15, 2023 @ 8:55pm
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Perbadanan Kota Buku (PKB) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Merchantrade Asia Sdn Bhd bagi meningkatkan kecekapan portal Kota Buku Digital Malaysia.

Menerusi kerjasama strategik itu, Merchantrade menyediakan kaedah pembayaran secara digital membabitkan transaksi e-dompet dan kad Prabayar Visa bagi memudahkan pembelian buku digital di Platform Buku Digital Malaysia.

Pelaksanaan e-dompet itu dapat memenuhi keperluan transaksi kewangan secara dalam talian selari dengan initiatif e-perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan.

Ketua Pegawai Eksekutif PKB, Adibah Omar berkata, kemudahan pembayaran secara digital itu dapat mewujudkan persekitaran pengurusan kewangan yang lebih telus dan efisien.

"Pembayaran secara digital ini juga dapat menutup ruang ketirisan dalam ekosistem kewangan negara terutamanya transaksi yang melibatkan kepentingan awam.

"PKB juga berharap penggunaan e-dompet di portal Kota Buku Digital Malaysia dapat membuka ruang pertimbangan untuk mengembalikan semula pemberian Baucar Buku yang boleh ditambah baik menjadi pemberian e-Baucar Buku," katanya pada Majlis menandatangani MoU di antara PKB dan Merchantrade Asiadi Hotel Marriot, Putrajaya hari ini.

Adibah Omar turut mencadangkan sekiranya Baucar Buku ini dikembalikan, initiatif ini boleh diperluaskan lagi kepada pelajar sekolah.

Sebelum ini Baucar Buku hanya diperuntukkan kepada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi.

Beliau juga percaya pemberian e-Baucar Buku dapat menjadi penyelesaian yang konkret kepada masalah yang berlaku dalam initiatif Baucar Buku secara fizikal sebelum ini.

Sekaligus dapat menyuburkan semula budaya membaca ke arah pembinaan masyarakat Madani.

Turut hadir sama Pengarah Urusan Merchantrade, Ramasamy K Veeran, Ahli Lembaga Pengarah PKB, Mohd Khair Ngadiron dan Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim.

Sementara itu, Ramasamy berkata pembayaran e-dompet ini dapat menjadi pemangkin kepada usaha pendigitalan kewangan dalam kalangan pelajar.

"Ekosistem baru tanpa tunai dapat diwujudkan di peringkat sekolah, sekaligus membawa sistem pendidikan negara bergerak ke aras yang lebih tinggi sejajar dengan agenda Kementerian Pendidikan (KPM) dalam menerajui Dasar Pendidikan Digital (DPD)," katanya.

Muhammad Kamil pula yakin melalui MoU ini, kuasa membeli dalam kalangan pengguna pasaran industri buku dapat ditingkatkan serta memberikan kesan yang positif kepada kitaran ekonomi dan pendapatan negara.

"Initiatif pendigitalan ini dijangka membawa impak yang besar kerana dapat menghasilkan bank data industri buku yang tepat dan signifikan sekaligus berupaya membantu pihak kerajaan membuat keputusan dan menggubal dasar.

"Data ini juga penting bagi mengenal pasti corak budaya pembacaan masyarakat pada masa kini untuk kita menyediakan perancangan strategik yang konkret ke arah pembudayaan ilmu menerusi amalan membaca," katanya.

Portal Kota Buku Digital adalah satu platform pembukuan terbesar yang dibangunkan oleh PKB yang sedang mengumpulkan keseluruhan ekosistem industri buku bagi memudahkan masyarakat khususnya pelajar bagi mendapatkan akses kepada bahan bacaan yang pelbagai secara berkualiti, terkini dan saksama.